

08 JUL 1996
Parlimen - Bahas
UNIVERSITI VIRTUAL PERTAMA DUNIA DIRANCANG

KUALA LUMPUR, 8 Julai (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa sebuah institusi pengajian tinggi swasta yang boleh digelar universiti virtual (elektronik) pertama di dunia akan wujud di Malaysia tidak lama lagi.

Koperasi Usaha Bersatu (KUB) sedang berusaha mewujudkan universiti itu dengan menggunakan sistem Utternet, kata Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) yang juga naib oengerusi KUB, ketika membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Akreditasi Negara (LAN) 1996.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) telah diberi taklimat awal mengenai konsep universiti itu. Beliau amat tertarik dan memberikan restu agar KUB mendalami konsep ini beserta dengan perkara lain yang berkaitan dengannya," kata beliau ketika membahaskan rang undang-undang itu yang dibentangkan oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Konsep universiti virtual ialah sistem pendidikan tinggi secara jarak jauh menggunakan kemudahan telekomunikasi moden dan teknologi maklumat.

Ruhanie berkata strategi dan pendekatan radikal itu pasti akan membuka peluang seluas-luasnya kepada generasi muda Malaysia dan golongan berumur yang dahagakan ilmu pengetahuan untuk memperolehi pendidikan tinggi baik di peringkat sijil, diploma dan ijazah.

Ruhanie berkata pelajar yang berkecualan melanjutkan pelajaran tinggi tetapi gagal ke pusat pengajian tinggi awam atau swasta kerana alasan tertentu pasti akan dapat menikmati sistem pengajian tinggi menerusi universiti virtual itu.

"Ini kerana sesebuah universiti virtual tidak akan mempunyai batasan fizikal, tidak mempunyai masalah tenaga akademik dan tidak mempunyai sekatan jarak atau lokasi," katanya.

Menerusi universiti virtual itu, beliau berkata golongan yang berminat melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi akan memperolehinya secara jarak jauh.

Ruhanie berkata mereka boleh mengikuti kuliah menerusi kaedah berasaskan komputer walau di mana mereka berada asalkan mempunyai komputer peribadi dan terdapat sistem telekomunikasi yang cekap di kawasan itu.

"Saya yakin pembaharuan yang radikal, kreatif dan berani ini akan membolehkan penyediaan peluang pengajian tinggi secara lebih massive, meluas dan menyeluruh," katanya.

Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin) pula meminta kerajaan memastikan kemudahan dan kualiti pembelajaran di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) terjamin kerana dikhuatiri ada institusi yang hanya memikirkan keuntungan semata-mata.

"Kita tidak mahu pelajar dan ibubapa dianiayai sedangkan ratusan ringgit telah dibelanjakan bagi mendapatkan pendidikan sempurna tetapi habuan yang diterima tidak setimpal," katanya.

Beliau juga mencadangkan supaya kurikulum di IPTS ditentukan oleh LAN supaya ianya bukan saja mengikut dasar pendidikan negara tetapi juga perkembangan semasa.

Memandangkan masih ramai pelajar Bumiputera yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, beliau mencadangkan supaya Institut Teknologi Mara menubuhkan cawangan di setiap daerah.

Dr Maximus Ongkili (PBS-Bandau) pula mencadangkan supaya kualiti ijazah yang dikeluarkan di IPTS nanti menyamai tahap universiti luar negara.

Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) pula berkata dalam menggalakkan penubuhan universiti-universiti swasta, kerajaan harus menubuhkan lebih banyak universiti.

Kerajaan tidak harus berhenti menjadi pembekal utama peluang pendidikan tinggi, terutama dalam memastikan bahawa pelajar dari latar belakang ekonomi yang lemah tidak dinafikan kelengkapan pendidikan tinggi, katanya.

"Untuk tujuan ini, kerajaan pusat harus berganding bahu dengan beberapa kerajaan negeri untuk menubuhkan universiti-universiti baru di setiap negeri," katanya,

Persidangan Dewan Rakyat disambung esok. -- BERNAMA

AH NZ MAI